

Tebing runtuh ancam penduduk

Jalan raya sudah mula retak akibat masalah berkenaan

DAMANSARA DAMAI

— “Jangan anggap masalah ini kecil, semua pihak perlu berganding bahu menyelesaikannya.” Demikian luahan Aziz Taha, 67, penduduk Rumah Kedai Apartmen Saujana dekat sini.

Masalah tebing runtuh di Jalan PJU 10/10 F yang berlarutan sejak lebih tiga tahun itu seperti tidak diambil peduli oleh mana-mana pihak sedangkan aduan sudah dibuat banyak kali kepada pihak berwajib termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

“Bila tanya, sekejap kata pemaju kena buat, lepas itu JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran), jadi perkara ini seperti tiada kata putus,” kata-

“Sekarang jalan raya sudah ada kesan retak, takkan perkara yang berlaku itu juga semua pihak tidak sedar lagi.”

- Ayob

nya.

Masalah itu perlu diselesaikan kerana risiko kepada penduduk berikutan keadaan itu kini sudah menampakkan perkara yang lebih buruk akan berlaku jika ianya tidak diatasi segera.

Ayob Abu, 36, mahu tindakan segera diambil bagi mengatasi masalah tersebut memandangkan keadaan sudah menjadi se-

makin teruk.

“Hendak semua bangunan di sini runtuh atau sudah ada yang kehilangan nyawa baru hendak ambil tindakan. Saya harap Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dapat beri perhatian serius isu ini,” katanya.

Menurutnya, tiga tahun dahulu perkara ini sudah dibawa kepada ahli majlis namun ternyata ianya ha-



■ Sisa runtuhan terbiar di dalam longkang besar selama lebih tiga tahun.

nya sia-sia.

“Sekarang jalan raya sudah ada kesan retak, takkan perkara yang berlaku itu juga semua pihak tidak sedar lagi,” katanya.

Mohd Hatta Abd Rani, 32, beranggapan sikap lekas tangan sepatutnya tidak berlaku.

“Aduan sudah dibuat kenalah berusaha se-

lesaikannya. Jika pemaju bertanggungjawab cari pemaju, jika ia kerja JPS, PBT (pihak berkuasa tempatan) carilah mereka untuk selesaikannya,” katanya.